



ISMAIL SABRI YAAKOB bersama-sama penerima dana Program Aktiviti Ekonomi Tambahan Daerah Bera selepas merasmikan Pejabat RISDA Stesen (PRS) Batu Papan, Bera, semalam. - UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

Cadangan GST sudah berlaku ketika beliau Menteri Kewangan - Ismail ^{um 4/5}

Macam mana Daim boleh lupa?

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

pengarang@utusan.com.my

■ **BERA 3 MEI**

BEKAS Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin ditempelak kerana membuat pusingan U mengkritik cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang pernah dicadangkan beliau ketika menjadi Menteri Kewangan.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, tindakan Daim itu hanya disebabkan kepentingan peribadi bukannya atas pertimbangan yang bertanggungjawab.

“Sewaktu Datuk Seri Najib Tun Razak baru menjadi Perdana Menteri beliau memuji Najib yang pada waktu itu beliau tidak ada masalah peribadi, semua kerajaan buat elok tetapi apabila ada masalah peribadi semua tidak elok.

“Cadangan GST sudah berlaku sewaktu beliau (Daim) Menteri Kewangan dan waktu itu beliau yang membuat kajian. Adakah beliau sudah lupa,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pejabat Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Stesen (PRS) Batu Papan di sini hari ini.

Yang hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Azizan Mohd. Sidin dan Ketua Pengarah RISDA, Datuk Wan Ahmad Shabri Zainuddin Wan Mohamad.

Baru-baru ini, Daim yang juga seorang hartawan terkemuka mengaitkan kos dan bebanan sara hidup dengan pelaksanaan GST ketika berceramah di pentas PKR di Parlimen Pendang, Kedah.

Menurut Ismail Sabri, tidak timbul isu bebanan masyarakat khususnya di luar bandar terhadap pelaksanaan GST memandangkan barang-barang keperluan asas masyarakat dikecualikan daripada cukai itu.

Malah beliau berkata, sekira-

nya dasar cukai GST tidak baik adalah mustahil 167 buah negara dunia termasuk negara yang lebih maju masih meneruskan amalan percukaian itu.

“Lagipun kadar kita merupakan antara paling rendah dalam dunia walhal India yang baru melaksanakan GST dengan kadar maksimum 28 peratus, Singapura dengan kadar tujuh peratus dan di Indonesia pun lebih tinggi kadar daripada kita,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, kutipan GST yang mencecah RM41 bilion memberikan manfaat kepada rakyat melalui pelbagai program bantuan termasuklah Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).